



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 Jld 5 () 06/04

KERAJAAN HARGAI PETUGAS OP STARLIGHT II DI TURKIYE

KUALA LUMPUR - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan telah menyempurnakan Majlis Penghargaan Tim Misi Operasi STARLIGHT II di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia pada 18 April 2023.

Majlis tersebut diadakan bagi menghargai semua pihak yang terlibat dalam usaha menjayakan Misi Operasi STARLIGHT II Hospital Medan Malaysia (HMM) di Celikhan, Adiyaman, Turkiye. Beliau telah sudi menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada wakil-wakil setiap elemen perkhidmatan yang menjayakan Misi Op Starlight II ini. Mereka yang dianugerahkan sijil penghargaan adalah seperti berikut:

- a. **Leftenan Jeneral Dato' Noor Mohamad Akmar bin Md Dom TUDM**, Panglima Angkatan Bersama yang juga merupakan Peneraju Operasi.
- b. **Leftenan Jeneral Dato' Mohd Shahada bin Ismail TUDM**, Panglima Operasi Udara mewakili TUDM.
- c. **Brigedier Jeneral Dato (Dr) Amran bin Amir Hamzah**, Pemerintah Operasi Op STARLIGHT II.
- d. **Kolonel (Dr) Yussra bin Yusoff**, Pegawai Memerintah Hospital Medan Malaysia.
- e. **Mejar Mohd Najib bin Saeran**, Ketua *National Support Element* (NSE).
- f. **Mejar Faz'zli bin Abdullah TUDM**, Ketua Tim Komunikasi.
- g. **Mejar (Dr) Shazwani Liyana binti Shariffudin**, Pakar Perubatan Keluarga.
- h. **Pegawai Waren I Nor Azmi bin Mohd Zain**, wakil Tim Sokongan Perubatan.

HMM telah memulakan pengoperasiannya pada 15 Februari melibatkan 110 pegawai dan anggota Kor Kesihatan Diraja dengan menawarkan perkhidmatan perubatan bagi tahap 3; termasuk prosedur pembedahan kepada masyarakat setempat. HMM juga melaksanakan *Outreach Medical Program* melalui pasukan yang dipanggil sebagai *Forward Medical Team* (FMT). Pendekatan FMT adalah dengan mengaturngerak petugas kesihatan HMM ke rumah-rumah penduduk di sekitar Celikhan serta memeriksa warga tua dan yang lemah untuk disaring serta dibawa ke HMM untuk rawatan lanjut sekiranya perlu. Inisiatif ini telah dapat meningkatkan interaksi secara terus penduduk tempatan dengan petugas HMM, serta meningkatkan imej negara disamping membuktikan komitmen tinggi Malaysia dalam membantu Turkiye yang berada dalam kesulitan.

Sepanjang melaksanakan operasi HMM selama 6 minggu, seramai **2,415 pesakit telah dirawat**. Ianya termasuk **83 kes pembedahan yang berjaya dilaksanakan** dan **159 pesakit yang telah diberikan rawatan oleh FMT**.

Komitmen dan tanggungjawab ATM ini membuktikan kerjasama awam-tentera (CIMIC) bukan hanya dipraktikkan di dalam negara bahkan turut dilaksanakan di peringkat antarabangsa. Usaha berkenaan mendukung satu lagi elemen penting dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP) iaitu “Hubungan Pertahanan Antarabangsa”. Antara matlamat yang dapat dicapai adalah mengetengahkan pendirian dan kepentingan Malaysia di arena antarabangsa.

Dato’ Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan telah melawat galeri bergambar yang memaparkan perjalanan operasi misi OP STARLIGHT II dan melawat pameran Galeri bergambar berkenaan misi tersebut. Dalam ucapannya, beliau mengucapkan tahniah di atas kejayaan yang telah dicapai oleh Misi Op STARLIGHT II ini dalam membuktikan kemampuan ATM untuk diaturgerakkan dalam masa yang singkat bagi melaksanakan sebarang operasi. Beliau juga telah sudi berbuka puasa serta solat Maghrib secara berjemaah dengan semua petugas Op STARLIGHT II, pegawai dan anggota ATM.

Turut hadir dalam majlis sambutan tersebut adalah Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato’ Sri Muez bin Abd Aziz, Duta Turkiye ke Malaysia, TYT Emir Salim

Yüksel, Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, dan Ketua Pengarah NADMA, Datuk Khairul Shahril bin Idrus serta Pegawai-pegawai Kanan ATM.

Sebarang pertanyaan berkaitan acara boleh menghubungi Lt Kol Salawati binti Yahaya di talian 019-2355873 atau Mejar Siti Aishah binti Noor di talian 019 – 2679954.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
18 April 2023

